



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 30 MEI 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **95 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **6,330 kes** (81.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 30 Mei 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **30 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **7,762 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 1,317 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada 30 kes baharu yang dilaporkan, tiga (3) kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara. Daripada 27 kes penularan tempatan, 17 kes adalah kes bukan warganegara Malaysia manakala **kes penularan tempatan di kalangan warganegara Malaysia adalah 10 kes sahaja.**

Sehingga kini, seramai sembilan (9) kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah tersebut, dua (2) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dimaklumkan bahawa **tiada** kes kematian berkaitan COVID-19 setakat ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia kekal sebanyak **115** kes (1.48 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

SAMBUTAN PESTA KAAMATAN DAN HARI GAWAI MENGIKUT PROSEDUR STANDARD OPERASI (SOP)

KKM ingin menzahirkan ucapan selamat menyambut Pesta Kaamatan dan Hari Gawai kepada semua yang menyambutnya, terutama kepada rakyat di Sabah dan Sarawak. Pihak KKM juga ingin mengambil kesempatan untuk melahirkan penghargaan kepada semua petugas barisan hadapan termasuk petugas kesihatan KKM dan sukarelawan,

Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Pertahanan Malaysia (JPAM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan pelbagai agensi lain yang terus komited memberikan perkhidmatan mereka semasa musim perayaan ini.

KKM ingin mengingatkan masyarakat bahawa Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam Prosedur Operasi Standard (SOP) Perayaan telah menyatakan bahawa jumlah ahli keluarga tidak boleh melebihi 20 orang pada satu hari di dalam rumah yang sama, namun tertakluk kepada keluasan ruang rumah dan amalan penjarakan sosial yang selamat iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

Semoga dengan norma dan kelaziman baharu ini, kita dapat sama-sama memutuskan rantai jangkitan COVID-19 semasa dan selepas musim perayaan ini. Pastikan terdapat kebersihan diri sentiasa diamalkan. Sesungguhnya sambutan kali ini disambut dalam suasana yang berbeza namun penuh bermakna.

Selain itu, KKM juga ingin mengingatkan masyarakat bahawa walaupun Syawal dan sambutan Hari Raya Aidilfitri secara lazimnya disambut selama sebulan dan sering diadakan rumah terbuka dan perhimpunan secara beramai-ramai, masyarakat masih tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di mana ianya adalah dilarang sama sekali.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Orang ramai dinasihatkan untuk terus mempraktikkan norma dan kebiasaan baharu semasa sambutan Pesta Kaamatan dan Hari Gawai mahupun selepas musim perayaan, termasuk Hari Raya Aidilfitri. Pastikan anda terus mematuhi segala nasihat dan saranan KKM, antaranya:

- **Elakkan 3S / 3C:** iaitu elakkan kawasan yang sesak (*Crowded place*), elakkan kawasan yang sempit (*Confined space*) dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang dekat (*Close conversation*).
- **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*Wash*), sangat digalakkan memakai alat penutup hidung dan mulut (*face mask*) di tempat awam atau jika bergejala (*Wear*), dan (*Warn*) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elak bersalaman / bersentuhan;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
 - Sambutlah perayaan secara tertutup bersama ahli keluarga di rumah sahaja;
 - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Selain itu, sentiasa ingatlah kepada S.O.P, iaitu:

- **S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah PKPB;
- **O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P:** Penjarakan sosial (social distancing) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau kejadian jangkitan COVID-19 di Malaysia. Penduduk Malaysia dinasihatkan untuk kekal duduk di rumah dan hanya keluar rumah untuk urusan-urusan yang perlu sahaja. Teruskan amalkan kebersihan diri yang tinggi seperti kerap membasuh tangan dengan air dan sabun, dan amalkan jarak sosial yang selamat iaitu sekurang-kurangnya 1 meter (*social distancing*). Ini penting dalam memutuskan rantaian penularan COVID-19 di dalam masyarakat.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

30 Mei 2020 @ 5.00 petang

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 30 MEI 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	18
KEDAH	0	96
PULAU PINANG	0	121
PERAK	1	256
SELANGOR	5 (2)	1,878
NEGERI SEMBILAN	4 (1)	856
MELAKA	2	218
JOHOR	1	675
PAHANG	0	346
TERENGGANU	0	111
KELANTAN	0	156
SABAH	0	346
SARAWAK	0	552
W.P. KUALA LUMPUR	13	2020
W.P. PUTRAJAYA	4	97
W.P. LABUAN	0	16
JUMLAH KESELURUHAN	30 (3)	7,762

*() adalah merujuk kepada kes-kes import